

MAKLUM BALAS ISU BERKAITAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS DALAM MEDIA SOSIAL – FAIL FROM STARTLAH RMK12 NI

Penelitian kandungan penulisan mendapati bahawa penulis kurang pemahaman mengenai struktur pasaran buruh dan kaedah pengiraan pewujudan pekerjaan. Angka-angka yang dinyatakan dalam Jadual 13 dan 14, dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah dibincangkan dan dipersetujui oleh semua *stakeholders*.

Penulis ada menyebut bahawa hanya 16 juta orang atau separuh daripada populasi sahaja yang bekerja. Dalam hal ini, penduduk umur bekerja iaitu yang berumur antara 15-64 tahun dikelaskan kepada dua kategori iaitu yang berada dalam pasaran buruh dan yang berada di luar pasaran buruh. Daripada keseluruhan penduduk umur bekerja pada tahun 2020 yang berjumlah 22.8 juta, hanya 15.6 juta berada di dalam pasaran buruh, merangkumi 15.1 juta yang bekerja dan 711,000 penganggur.

Dakwaan penulis bahawa 300,000 daripada 500,000 lepasan sekolah tidak akan mempunyai pekerjaan adalah tidak tepat kerana purata 200,000 pewujudan pekerjaan bagi setiap tahun dalam tempoh RMKe-12 merujuk kepada penjanaan kerja bersih (*net*) iaitu pekerjaan baharu diwujudkan ditolak dengan pekerjaan yang dijumudkan bagi tempoh tersebut.

Oleh itu, ianya tidak menggambarkan jumlah jawatan kosong yang wujud di pasaran kerja. Jawatan kosong boleh juga terhasil apabila penyandang jawatan sedia ada meninggalkan jawatan tersebut akibat persaraan, kematian, berhijrah ke jawatan lain dan sebagainya. Berdasarkan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Kedua 2021 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan jawatan kosong pada tahun 2020 adalah 176,000 daripada 8.5 juta jumlah pekerjaan yang terdapat dalam sektor swasta. Jumlah ini tidak termasuk jawatan kosong dalam sektor awam.

Selain itu, bukan kesemua 500,000 lepasan sekolah pada sesuatu tahun akan memasuki pasaran kerja. Kebanyakan lepasan sekolah akan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan pembangunan modal insan berkualiti.

Sehubungan itu, sebahagian besar lepasan tersebut akan dikategorikan sebagai berada di luar pasaran buruh. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (LFS) 2020 yang diterbitkan oleh DOSM, sebanyak 40.7% daripada 7.2 juta penduduk umur bekerja sedang bersekolah atau mengikuti latihan.

Bilangan individu yang berada di luar pasaran buruh atau mereka yang memilih untuk tidak bekerja adalah sebanyak 7.2 juta orang. Berdasarkan LFS 2020, antara sebab-sebab individu berada di luar pasaran buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab

keluarga, bersekolah/latihan, melanjutkan pelajaran, hilang upaya, tidak berminat dan bersara/lanjut usia. Dalam hal ini, trend yang sama telah digunakan untuk mengunjurkan populasi dan tenaga buruh bagi tahun 2025.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa 7.2 juta penduduk umur bekerja yang berada di luar pasaran buruh boleh dikurangkan bagi mewujudkan pasaran buruh yang lebih produktif. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh dalam kalangan penduduk tempatan dan mengurangkan bilangan wanita di luar pasaran buruh yang terhalang daripada bekerja disebabkan tanggungjawab kepada keluarga akan diberi perhatian dalam RMKe-12.